

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN BUNGKUSAN-BUNGKUSAN HARI RAYA
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 17-02-1995

1. Saya memanjatkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dikurniakan peluang untuk kita berhimpun di sini hari ini bagi menjayakan hajat BAKTI pada bulan yang mulia ini.
 2. Saya bagi pihak BAKTI mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dan mengucapkan terima kasih kerana melapangkan masa sekejap di sini. Sebenarnya, kerana desakan masa, sumbangan bungkusan Hari Raya BAKTI sebanyak 20,000 bungkusan telah pun disampaikan kepada Kementerian Pertahanan pada bulan Disember, 1994 untuk dihantarkan dengan segera sebahagiannya kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang bertugas di luar negara. Penyampaian BAKTI itu dilakukan secara rasmi kelmarin.
 3. Pada hari ini, sumbangan bungkusan Hari Raya BAKTI di sampaikan juga kepada ATM secara simbolik bersama-sama dengan Pasukan Polis DiRaja Malaysia sebagai menyempurnakan hajat BAKTI tahun ini. Oleh itu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara kerana sudi hadir untuk menerima sumbangan kecil BAKTI ini.
 4. Membuat perbandingan antara satu dengan yang lain seringkali menimbulkan perasaan insaf dan kesyukuran dalam diri seseorang. Seringkali juga perbandingan mendatangkan perasaan negatif seperti irihati, marah, geram dan dendam. Sebagai rakyat Malaysia kita insaf dan sujud syukur kerana kita mempunyai 1001 sebab kita berbuat sedemikian.
 5. Jika dibandingkan negara kita dengan negara-negara yang sering dilanda oleh mala petaka dan bencana alam, kita lebih bertuah kerana negara kita tidak ada gempa bumi, tidak ada gunung berapi, tidak ada taufan dan puting beliung yang meragut banyak nyawa dan memusnahkan harta benda. Syukur alhamdulillah.
 6. Bagi malapetaka buatan manusia pula, kita tidak berperang dengan mana-mana negara atau berperang sesama sendiri seperti yang berlaku di negara-negara lain. Malahan kita berasa geram, marah dan keliru kenapa mereka itu suka mencari sebab-sebab yang seringkali pada mata dan fikiran kita, tidak munasabah pun untuk berperang, memusnahkan harta benda dan membunuh manusia dengan kejam.
 7. Dengan membuat perbandingan ini, kita berasa insaf dan bersyukur di atas kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada negara kita yang tercinta ini.
- Terdapat dalam negara kita, warga negara yang ingin dan percaya bahawa keamanan dalam negara akan menghasilkan kemakmuran dan kebahagiaan semua pihak di semua aspek kehidupan dan pembangunan rakyat. Sikap toleransi antara semua kaum, sikap bersederhana, disusuli dengan sikap penyayang, sikap pandai menghargai budi dan jasa orang lain adalah tiang kekuatan rakyat negara kita untuk mencapai keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan dalam negara.
8. Pada bulan Ramadan yang mulia ini, dan juga sebelumnya perkumpulan-perkumpulan rakyat Malaysia melalui badan-badan atau persatuan-persatuan mula berusaha untuk mengenang budi dan jasa mereka yang diberi tanggungjawab dan tugas untuk memelihara keamanan dan pertahanan negara kita ini. BAKTI sebagai satu badan kebajikan turut bersama-sama menghargai pengorbanan dan tanggungjawab Angkatan Tentera dan Pasukan Polis DiRaja Malaysia selama ini. Merekalah yang sentiasa menjaga perairan, ruang udara, kawasan pantai, sempadan-sempadan dan kawasan-kawasan pendalaman negara hingga tercapainya keselamatan dan keamanan bagi rakyat dan tanah air.

Pada masa hadapan mungkin muncul pula cabaran-cabaran baru tetapi kita yakin dan percaya pasukan keselamatan negara akan dapat menghadapi dan menangani masalah-masalah ini dengan baik dan pada bila-bila masa sahaja. Kecekapan dan kebolehan mereka sudah pun teruji dan terbukti di luar negara

terutama dalam menangani masalah peperangan di Bosnia-Herzegovina. Angkatan tentera kita sudah cukup terkenal dan kini telah diminta untuk menambah anggota MALBATTnya di sana.

9. Bersyukurlah kita kerana pada hari ini BAKTI dapat menghulurkan sumbangan bungkusan Hari Raya untuk 20,000 anggota tentera dan 3,700 anggota polis yang akan bertugas pada masa Raya di mana jua mereka berada. Bungkusan-bungkusan ini mengandungi nasi impit, rendang daging, serunding dan kuah satay. Semoga anggota-anggota keselamatan kita akan menerimanya dalam keadaan yang baik.

10. Pada hari ini juga, BAKTI ingin menyampaikan sebuah Ambulan kepada MALBATT. Ambulan ini adalah sumbangan daripada UMW yang di bawa dari Jepun.

Mereka ingin bersama dengan BAKTI menghadihkannya kepada MALBATT untuk kegunaan di Bosnia sama ada oleh pihak MALBATT sendiri atau dihadiahkan ke hospital daerah di Bosnia yang memerlukannya.

11. Saya bagi pihak BAKTI menghargai sumbangan daripada UMW ini dan mengharapkan lebih ramai lagi pihak swasta membantu MALBATT menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan di Bosnia Herzegovina ataupun membantu rakyat Bosnia dengan melengkapkan hospital-hospital mereka dengan alat- alat atau bekalan perubatan yang diperlukan. Dua bekalan telah pun disampaikan kepada dua hospital di Bosnia pada tahun lepas daripada rakyat Malaysia melalui MALBATT. Semoga bantuan-bantuan ini diberkati oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana selain daripada menghantar MALBATT bertugas sebagai pendamai di bawah panji Bangsa-bangsa Bersatu, kita di sini hanya boleh mendoakan supaya peperangan di sana akan tamat secepat mungkin dan rakyat Bosnia- Herzegovina terpelihara daripada kezaliman dan kemusnahan yang berterusan.

12. BAKTI turut mendoakan supaya kesemua anggota keselamatan kita yang bertugas di dalam mahu pun di luar negara, di laut, di udara atau di darat dilindungi Allah Subhanahu wa Ta'ala daripada segala penyakit dan mara bahaya serta selamat mereka kembali kepangkuan keluarga setelah tamatnya tugas kelak.

13. Kepada para isteri dan keluarga anggota keselamatan negara yang tidak berpeluang berhari raya dengan suami mereka tersayang tahun ini, didoakan supaya mereka bersabar dan bersemangat tinggi. Keikhlasan, pengorbanan jelas di wajah, andalah wanita, ibu dan isteri yang setia. Inilah watak para isteri yang rela suami mereka pergi bertugas dan menunggu mereka kembali ke rumah dengan penuh kesabaran.

14. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara serta Pegawai-pegawai Kanan kedua- dua pasukan bersama dengan isteri masing-masing kerana sudi hadir bersama dengan BAKTI pagi ini.

Semoga sumbangan BAKTI ini akan menyempurnakan perayaan Hari Raya anggota pasukan keselamatan negara kita walau di mana jua mereka bertugas.

15. Saya sudahi dengan ucapan selamat menyempurnakan dua minggu lagi berpuasa dan Selamat Hari Raya Idulfitri.